

**GUIDANCE APPLICATION OF MU'ĀSHARAH BI AL-MA'RŪF (MBM) IN HUSBAND AND WIFE RELATIONSHIP**

**APLIKASI PANDUAN MU'ĀSHARAH BI AL-MA'RŪF (MBM) DALAM HUBUNGAN SUAMI ISTERI**

Nur Faezah Musthapari<sup>i</sup>, Bahiyah Ahmad<sup>ii</sup> & Mohd Rizal Muwazir<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Phd Student, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. faezahmustapar@gmail.com

<sup>ii</sup> Senior Lecturer, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. baiyah\_api@um.edu.my

<sup>iii</sup> Senior Lecturer, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. mrmkl@um.edu.my

*Article Progress*

Received: 28 August 2024

Revised: 3 October 2024

Accepted: 30 October 2024

<b>Abstract</b>	<p><i>Mu'āsharah bi al-ma'rūf (MBM) is the key to achieving tranquility, love, and mercy in the household. Without mu'āsharah bi al-ma'rūf, happiness cannot be attained. This is evidenced by the various issues in marital relationships as highlighted by the media, such as the increase in divorce cases, domestic violence, and even instances of murder between spouses. This clearly indicates a failure among couples to understand and practice mu'āsharah bi al-ma'rūf in their relationships. Therefore, this article aims to discuss the concept of mu'āsharah bi al-ma'rūf (MBM) and the application of MBM guidelines in marital relationships. This study is qualitative research conducted through document analysis, where the concept of MBM is developed based on Surah al-Nisā' verse 19. The researcher refers to authoritative tafsir (exegesis) books, hadith collections, and fiqh books from the four schools of thought that explain mu'āsharah bi al-ma'rūf. An analysis was then carried out on the views of the majority of mufassirīn (Quranic exegetes), muḥaddithīn (hadith scholars), and fuqahā (jurists) to form themes and categorizations for developing the concept and guidelines of MBM. The main findings of the study reveal that there are 10 themes of mu'āsharah bi al-ma'rūf derived from the views of the majority of mufassirīn, muḥaddithīn, and fuqahā, namely kind speech, fulfilling spousal rights, good behavior, interaction according to Shariah and societal customs, not rushing into divorce, patience in facing a spouse's negative traits, hope, confidence, and trust in Allah SWT, not hating a spouse due to bad character, focusing on the positive aspects of the spouse, and finally, good intentions. The study also found that there are two elements of MBM guidelines: internal elements, which include hope, confidence, trust in Allah SWT, and good intentions, and external elements, which encompass good communication, good behavior, and fulfilling obligations. With MBM guidelines, couples can understand and apply fundamental Islamic principles to build a harmonious relationship.</i></p>
Keywords: Marital Relationship, Mu'āsharah bi al-Ma'rūf, Guidelines.	

<b>Abstrak</b>	<p><i>Mu'āsharah bi al-ma'rūf</i> (MBM) merupakan kunci utama untuk mencapai <i>sakīnah</i>, <i>mawaddah</i> dan <i>rahmah</i> dalam rumah tangga. Tanpa <i>mu'āsharah bi al-ma'rūf</i>, kebahagiaan tidak mampu dicapai. Buktinya terjadi pelbagai isu dalam hubungan suami isteri sebagaimana yang dipaparkan oleh media massa seperti peningkatan kes perceraian, kes keganasan rumah tangga dan kes pembunuhan antara mereka. Hal ini jelas menunjukkan kegagalan suami isteri dalam memahami dan mengamalkan <i>mu'āsharah bi al-ma'rūf</i> dalam hubungan. Maka artikel ini bertujuan untuk membincangkan konsep <i>mu'āsharah bi al-ma'rūf</i> (MBM) dan aplikasi panduan MBM dalam hubungan suami isteri. Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui analisis dokumen di mana pembentukan konsep MBM adalah surah al-Nisā' ayat 19. Pengkaji merujuk kepada kitab tafsir yang muktabar, kitab hadis dan kitab fiqh dari empat mazhab yang menjelaskan tentang <i>mu'āsharah bi al-ma'rūf</i>. Kemudian analisis dilakukan terhadap pandangan majoriti mufassirin, muhaddithin dan fuqahā untuk membentuk tema-tema dan pengkategorian bagi membangunkan konsep dan panduan MBM. Penemuan utama kajian mendapati bahawa terdapat 10 tema <i>mu'āsharah bi al-ma'rūf</i> yang terhasil daripada pandangan majoriti mufassirin, muhaddithin dan fuqahā iaitu perkataan yang baik, memenuhi hak-hak pasangan, tingkah laku yang baik, bergaul bersesuaian dengan shari'at dan adat kebiasaan masyarakat, tidak terburu-buru bercerai, bersabar menghadapi sifat buruk pasangan, pengharapan, keyakinan dan kepercayaan kepada Allah SWT, tidak membenci pasangan disebabkan akhlak buruk, melihat sisi-sisi positif pasangan dan akhir sekali niat yang baik. Hasil kajian juga mendapati terdapat dua elemen panduan MBM iaitu elemen dalaman yang merangkumi pengharapan, keyakinan, kepercayaan kepada Allah SWT dan niat yang baik manakala elemen luaran meliputi komunikasi yang baik, tingkah laku yang baik dan pelaksanaan kewajipan. Dengan panduan MBM, pasangan suami isteri dapat memahami dan menerapkan prinsip-prinsip dasar Islam untuk membangun hubungan harmoni.</p> <p>Kata kunci: <i>Mu'āsharah bi al-ma'rūf</i>, Panduan, Hubungan Suami Isteri, Islam.</p>
----------------	--

## PENDAHULUAN

*Mu'āsharah bi al-ma'rūf* (MBM) merupakan satu prinsip pergaulan baik antara suami dan isteri dalam Islam. Ia merupakan faktor utama kepada terbentuknya *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam rumah tangga. Dengan pelbagai isu yang berlaku dalam hubungan suami isteri seperti isu komunikasi (Hamid Mohamad et al., 2021), isu sikap (Solihah Mansor & Mohd Norhusairi Mat Hussin, 2023), isu pengabaian dalam melaksanakan kewajipan (Nazihah Hanni & Azme Matali, 2023), isu peningkatan kes perceraian (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023) dan kes pembunuhan tragis yang kerap berlaku (Ercy Gracella Ajos, 2023) jelas memberikan gambaran bahawa pasangan suami isteri gagal memahami dan mengamalkan *mu'āsharah bi al-ma'rūf* apabila berinteraksi antara keduanya. Maka artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang konsep *mu'āsharah bi al-ma'rūf* (MBM) dalam Islam seterusnya mengaplikasikan panduan MBM dalam hubungan suami isteri.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui analisis dokumen di mana pembentukan konsep MBM adalah surah al-Nisā' ayat 19. Pengkaji merujuk kepada kitab tafsir yang muktabar, kitab hadis dan kitab fiqh daripada empat mazhab yang menjelaskan tentang *mu'āsharah bi al-ma'rūf*.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Konsep Mu'āsharah Bi Al-Ma'rūf (MBM) Dalam Islam

Konsep tersebut dijelaskan berdasarkan kepada Surah al-Nisā' ayat 19 melalui firman Allah SWT:

وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهُنَّ مُؤْهَنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَعْلَمَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Maksudnya, "Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya) kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu sedangkan Allah SWT hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)." (Quran. Al-Nisa': 19).

Ayat ini menekankan pentingnya perlakuan baik daripada suami terhadap isteri dalam rumah tangga. Ibn 'Abbās (t.t) mentafsirkan ayat tersebut bahawa *mu'āsharah bi al-ma'rūf* adalah suami isteri saling memperlakukan pasangan dengan baik dan bukan salah satu pihak sahaja. Dalam ulasan yang lebih lanjut Ibn 'Abbās menyatakan bahawa "aku akan berhias untuk isteriku sebagaimana dia berhias untukku iaitu berhias yang tidak berdosa dan aku tidak suka mengambil seluruh hakku kepada dia sehingga dia meminta haknya kepadaku."

Al-Tabarī (2001) pula menyatakan berlaku baik terhadap pasangan bermaksud menunaikan hak-hak mereka yang Allah SWT tetapkan atau melepaskan mereka dengan baik. Jika tidak menyukai mereka maka bersabar kerana Allah SWT akan memberikan kebaikan yang banyak seperti mendapat anak. Al-Sam'ānī (1997) menjelaskan bergaul secara baik merangkumi aspek umum interaksi harian, perkataan yang baik, tempat tinggal yang baik dan memenuhi keperluan isteri dengan baik. Terkadang mungkin tidak menyukai atau benci terhadap sesuatu tetapi di dalamnya terdapat kebaikan yang belum terlihat atau terdapat kebaikan yang lebih besar yang diberikan Allah SWT pada masa depan.

Hal ini disokong oleh al-Rāzī (1999) dalam *Mafātiḥ al-Ghayb* yang menjelaskan *mu'āsharah bi al-ma'rūf* ialah berbuat baik dalam nafkah dan perkataan. Jika tidak menyukai akhlak buruk pasangan maka suami isteri perlu juga melayani mereka dengan cara yang baik kerana terdapat banyak kebaikan seperti memiliki anak pada masa depan dan daripada situ perasaan tidak suka akan berubah menjadi sayang. Jika tidak suka dan ingin berpisah, mungkin Allah SWT telah menetapkan banyak kebaikan dalam perpisahan tersebut.

Pandangan al-Qurṭubī (1964) pula menyatakan *mu'āsharah bi al-ma'rūf* bermaksud memperlakukan isteri bersesuaian dengan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT. Perintah ini ditujukan kepada suami dan wali namun ia lebih diutamakan kepada pasangan suami isteri. Hal ini melibatkan pemenuhan hak isteri berkaitan mahar dan nafkah, berperilaku baik kepada isteri, tidak menampakkan kebencian tanpa alasan yang jelas, tidak menggunakan kata-kata kasar, tidak menunjukkan ketertarikan pada yang lain dan perkataan yang lembut. Firman Allah SWT 'Jika kalian membenci mereka' iaitu kerana kelakuan buruk atau sifat yang tidak baik tanpa melakukan kejahatan atau sikap pemberontakan, disarankan untuk tetap bersabar kerana berkemungkinan besar bahawa Allah SWT akan memberikan keturunan yang baik daripada mereka.

Manakala Ibn Kathīr (1999) pula merumuskan *mu'āsharah bi al-ma'rūf* ialah memperbaiki perkataan dan perlakuan kepada isteri sebatas kemampuan sebagaimana kamu sukai agar dilakukan kepadamu maka lakukan kepada mereka sebagaimana kamu dikehendaki (berbuat demikian) terhadap mereka. Firman Allah SWT 'jika kamu tidak menyukai mereka (isteri-isteri), boleh jadi kamu tidak menyukai sesuatu padahal Allah SWT menjadikan padanya kebaikan yang banyak iaitu kesabaran menahan diri daripada menceraikan mereka dan rasa tidak suka adalah kebaikan lain yang akan diperoleh di dunia dan akhirat. Al-Suyūtī (t.t) dalam *Tafsīr al-Jalālayn* mendapati bergaul dengan mereka

secara baik iaitu secara keseluruhan dalam perkataan, nafkah dan tempat tinggal. Jika kamu membenci mereka maka bersabar kerana mungkin kamu membenci sesuatu yang sebenarnya Allah SWT jadikan padanya kebaikan yang banyak seperti Allah SWT memberi kebaikan keturunan yang soleh.

Al-Sa'dī (2000) dalam *Tafsīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān* pula mentafsirkan ayat tersebut bahawa suami diwajibkan untuk bergaul dengan isteri secara baik, menahan diri daripada menyakiti, memenuhi nafkah, pakaian dan sebagainya. Jika kamu benci mereka, boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia mengandungi kebaikan yang banyak yang Allah SWT tetapkan padanya iaitu wajar bagi suami untuk bertahan dengan isteri meskipun mungkin terdapat keengganinan daripada pihak mereka kerana dalam hal tersebut, terdapat banyak kebaikan termasuk patuh kepada perintah Allah SWT. Mungkin kebencian itu akan hilang dan digantikan dengan kasih sayang. Mungkin diberikan seorang anak yang soleh yang memberikan manfaat kepada ibu bapa di dunia dan akhirat. Semua ini tercapai dengan kesanggupan menahan diri dan menghindari perkara yang ditegah.

Manakala Ibn 'Āshūr (t.t) dalam *al-Taḥrīr wa Al-Tanwīr* mentafsirkan ayat tersebut sebagai larangan memaksa isteri atau menyakiti mereka diikuti dengan perintah untuk bersikap dan berinteraksi secara baik. Ini menunjukkan bahawa menjaga hubungan baik dengan pasangan adalah upaya yang lebih besar daripada sekadar merugikan atau memaksa mereka. "الْمَعْرُوفُ" adalah apa yang telah ditetapkan oleh shari'at dan telah diakui oleh kebiasaan atau norma masyarakat. Dalam penafsiran ini, ayat "وَعَابِرُوهُنَّ" (bergaullah dengan mereka) diertikan sebagai larangan terhadap perilaku buruk dalam hubungan bersama isteri. Jika ditemukan penyebab yang buruk dalam hubungan iaitu kebencian maka kalimat "فَعَسَى أَنْ تَكُرُهُوا" (mungkin kamu membenci) berfungsi sebagai jawapan.

Ungkapan "فَعَسَى" (mungkin) di sini memiliki harapan. Ayat ini menunjukkan kemungkinan situasi di mana suami mungkin membenci isteri pada suatu ketika namun dapat juga mengarah pada kemungkinan adanya pengharapan akan perubahan di masa depan. Kata "تَكُرُهُوا" (membenci) merupakan keadaan yang sudah ada sementara kata "وَيَجْعَلَ" (mungkin menjadikan) memberikan gambaran harapan atau kemungkinan adanya perubahan dalam situasi tersebut. Penafsiran ini kemudian mengaitkan antara ungkapan "وَعَسَى أَنْ تَكُرُهُوا شَيْئًا" ("الْمَقْرَبَةَ") (pendekatan) dan "الرَّجَاءُ" (harapan), keseluruhan daripada kata "الْمُغْرُوبُ" (mungkin kamu membenci sesuatu) serta kata "يَجْعَلَ" (mungkin menjadikan) merupakan penanda harapan atau kemungkinan adanya perubahan di masa depan.

Ini menjelaskan hikmah yang terkandung di sebalik ayat tersebut dalam konteks kehidupan seharian. Terkadang seseorang mungkin membenci sesuatu yang pada akhirnya akan membawa kebaikan. Sebahagian orang dapat memahami kebaikan daripada sesuatu dengan mempertimbangkan masalah tersebut daripada segala sudut pandang atau melalui pertimbangan rasional. Namun ada hal-hal yang menjadi rahsia Allah SWT dan kebaikan yang terkandung di dalamnya mungkin tidak terlihat atau terbuka bagi manusia. Ini menunjukkan seseorang seringkali tidak mengetahui sepenuhnya kebaikan atau keburukan sesuatu hingga waktu yang tepat tiba atau kerana kebijaksanaan yang lebih tinggi yang hanya Allah SWT yang mengetahuinya. Ayat 216 dalam Surah Al-Baqarah menguatkan gagasan ini bahawa terkadang sesuatu yang pada awalnya mungkin dibenci namun pada akhirnya membawa kebaikan bagi seseorang, begitu pula sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa pandangan seseorang mungkin terbatas dan sesuatu yang nampak baik atau buruk dalam pandangan, tidak selalu mencerminkan kebaikan atau keburukan di sisi Allah SWT.

Hasan bin Alī al-Fayyūmī (2005) dalam *Fath al-Qarīb al-Mujīb 'alā al-Targhib wal-Tarhib* menjelaskan bahawa bersikap baik kepada wanita adalah kebaikan yang paling utama, memperlakukan dengan lemah lembut, bermain-main, mempunyai kelapangan budi pekerti terhadap mereka, bersabar terhadap kesalahan dan kelemahan sifat dan akal mereka, memusuhi perceraian tanpa sebab dan disyorkan agar tidak mengambil lebih daripada satu isteri kerana mungkin kelapangan budi pekerti seseorang tidak mencukupi untuk bersabar terhadap lebih dari satu. Sesungguhnya mereka diciptakan daripada rusuk


dan rusuk cenderung ke arah lengkungan. Seolah-olah mereka diciptakan daripada asal yang bengkok sehingga ia tidak dapat dibentuk kembali ke bentuk yang semula dan manfaat daripada mereka hanya dapat diperoleh melalui kelengkungan tersebut.

Selain itu, menurut al-Kāsānī al-Ḥanafī (1910) dalam *Badā'i al-Sanā'i fi Tartīb al-Sharā'i, mu'āsharah bi al-ma'rūf* merujuk kepada tingkah laku yang baik, kelembutan dalam ucapan dan kata-kata yang baik yang dapat menyenangkan hati suami. Dalam mazhab al-Shāfi'i (1990) pula, wajib memperlakukan pasangan dengan baik iaitu suami perlu memenuhi kewajiban Allah SWT terhadap isterinya termasuk memberikan nafkah dan menjauhi perilaku yang menunjukkan kecenderungan kepada orang lain. Berbuat baik dalam hubungan mencakupi memberikan yang terbaik untuk mendapatkan pahala daripada Allah SWT, menghindari hal-hal yang buruk dan memberikan kemudahan kepada pihak yang berhak menerima hak. Pendapat al-Buhūtī al-Ḥanbalī (2008) juga menegaskan bahawa sunnah bagi suami isteri untuk memperbaiki akhlak terhadap pasangan, bersikap lembut dan menerima kesalahan pasangan.

Justeru, daripada pandangan majoriti *mufassirin*, *muḥaddithin* dan *fuqahā* tentang konsep *mu'āsharah bi al-ma'rūf* dalam hubungan suami isteri, dapat disimpulkan bahawa terdapat 10 elemen utama membentuk *mu'āsharah bi al-ma'rūf* dalam hubungan suami isteri iaitu perkataan yang baik, memenuhi hak-hak pasangan, tingkah laku yang baik, bergaul bersesuaian dengan shari'at dan adat, tidak terburu-buru bercerai, bersabar menghadapi sifat buruk pasangan, pengharapan, keyakinan dan kepercayaan kepada Allah SWT, tidak membenci pasangan, melihat sisi-sisi positif pasangan dan niat yang baik demi mentaati perintah Allah SWT.

### Panduan Mu'āsharah Bi Al-Ma'rūf (MBM) Dalam Hubungan Suami Isteri

Daripada elemen-elemen tersebut, maka panduan *mu'āsharah bi al-ma'rūf* (MBM) dalam hubungan suami isteri dibentuk yang terdiri daripada elemen dalaman dan elemen luaran. Ia dapat dijelaskan melalui carta di bawah.



Carta 1: Elemen-Elemen Mu'āsharah Bi Al-Ma'rūf Dalam Hubungan Suami Isteri

### Elemen Dalaman

Elemen dalaman merujuk kepada dimensi-dimensi yang terjadi atau berkembang di dalam hati, fikiran dan jiwa suami isteri itu sendiri. Ini merangkumi aspek kerohanian, hubungan emosi dan sikap suami isteri dengan Allah SWT. Berikut merupakan dua elemen dalaman panduan *mu'āsharah bi al-ma'rūf* (MBM) dalam hubungan suami isteri:

#### 1) Suami Isteri Perlu Meletakkan Pengharapan, Keyakinan Dan Kepercayaan Yang Mendalam Kepada Allah SWT

Suami isteri perlu meletakkan sepenuhnya pengharapan kepada Allah SWT dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pasangan. Mereka juga perlu meyakini bahawa dalam setiap kesulitan bersama pasangan, terdapat kebaikan yang Allah SWT letakkan di dalamnya dan percaya apa pun yang ditakdirkan dan dipilih oleh Allah SWT adalah yang terbaik bagi hambaNya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿فَإِنْ كَرِهُتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تُكْرِهُوْهُ شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا﴾

Maksudnya, “Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya) kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah SWT hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).” (Quran. Al-Nisa': 19).

Ayat tersebut merupakan pengharapan, keyakinan dan kepercayaan terhadap Allah SWT dalam menangani konflik hubungan. Suami isteri perlu berharap akan pahala daripada Allah SWT atas kesabaran, usaha dan teguh dalam menghadapi ujian rumah tangga. Dengan berjalannya waktu, mereka akan menyedari bahawa apa yang dikehendaki oleh Allah SWT adalah yang terbaik untuk mereka meskipun pada awalnya mungkin tidak sepenuhnya disukai atau difahami. Dengan harapan, keyakinan dan kepercayaan kepada Allah SWT, mereka akan memiliki kekuatan untuk menangani konflik rumah tangga dengan baik dan positif serta merasakan ketenangan dalam diri.

Untuk mengukuhkan pengharapan, keyakinan dan kepercayaan kepada Allah SWT, suami isteri perlu bersyukur atas segala kebaikan dalam hubungan perkahwinan dan bagi yang tidak mendapatkannya, mereka perlu bersabar kerana Allah SWT tidak akan mensiasakan pahala bagi orang yang berbuat baik. Selain itu, suami isteri perlu sentiasa berdoa meminta pertolongan kepada Allah SWT untuk menyelesaikan masalah kerana masalah merupakan salah satu ujian daripada Allah SWT. Suami isteri juga perlu bersangka baik dengan Allah SWT dan menerima ketentuanNya dengan hati yang lapang kerana mereka mempunyai tempat pergantungan yang kukuh.

#### 2) Suami Isteri Memerlukan Niat Yang Baik Dalam Hubungan

Niat baik merupakan kunci penting dalam memperlakukan pasangan dengan baik dalam Islam. Dengan niat sebagai tuntutan agama, memperlakukan pasangan dapat menjadi ibadah yang mendarangkan pahala dan redha Allah SWT. Niat baik dilakukan sebagai bentuk ketaatan kepada perintah Allah SWT sehingga setiap perbuatan dan percakapan dalam hubungan menjadi bermakna secara spiritual. Hal ini kerana perubahan dalam niat dapat mempengaruhi hubungan baik atau buruk antara suami dan isteri. Oleh itu, suami isteri perlu memperbaharui niat mereka setiap hari untuk membangunkan hubungan yang kuat dan mendapatkan keberkatanNya. Dengan kesedaran dan niat yang baik akan perintah Allah SWT, mereka dapat memperlakukan pasangan dengan baik.

### Elemen Luaran

Elemen luaran merujuk kepada apa-apa yang berada di luar atau unsur pengaruh luaran, yang boleh memberi kesan ke atas hubungan suami isteri. Berikut merupakan elemen luaran panduan *mu'āsharah bi al-ma'rūf* (MBM) dalam hubungan suami isteri yang terdiri daripada komunikasi yang baik, tingkah laku yang baik dan pelaksanaan kewajipan.

## 1) Komunikasi Yang Baik

### a) Suami Isteri Berbicara Dalam Kebaikan

Berbicara dalam kebaikan bermaksud berkomunikasi dengan cara yang selari dengan shari'at Islam atau kata-kata yang diucapkan sesuai dengan keredaan Allah SWT. Suami isteri perlu berbicara dengan cara yang sesuai dengan nilai-nilai agama dan menjaga tutur bicara apabila berkomunikasi. Penting untuk menjaga perkataan dan berbicara dengan penuh waspada dalam hubungan suami isteri untuk memastikan bahawa komunikasi berjalan dengan baik. Contoh berbicara dalam kebaikan seperti berbicara dengan menggunakan kata-kata yang positif dan memberikan perhatian pada kata-kata yang disampaikan. Selain daripada itu suami atau isteri tidak mengajak pasangan untuk berbicara pada waktu yang tidak sesuai. Tidak wajar bagi isteri untuk memilih waktu-waktu yang melelahkan atau sibuk bagi suami untuk diajak berbicara, demikian juga sebaliknya ketika suami memilih waktu yang tidak sesuai bagi isteri untuk berbicara. Semua hal ini dapat menyebabkan rasa tidak selesa, membosankan dan bertentangan dengan perlakuan baik yang diperintahkan oleh Allah SWT. Jika suami ingin memulai percakapan dengan isteri maka seharusnya memilih kata-kata yang baik. Hal ini dapat mempengaruhi situasi secara positif dan memberikan kesan yang baik dalam hubungan.

### b) Suami Isteri Berbicara Dengan Lembut

Berbicara dengan lembut bermaksud tidak menggunakan kata-kata kasar kepada pasangan dan mengungkapkan kata-kata yang menyenangkan hatinya. Contoh situasi berbicara dengan lembut ialah panggilan kepada pasangan (Muhammad al-Mukhtār al-Shanqītī, t.t). Suami isteri seharusnya memanggil pasangan dengan panggilan yang baik dan disukainya, menggunakan kata-kata yang mengungkapkan kasih sayang, kelembutan, bukan panggilan dengan cara paksaan, penindasan, sindiran, ejekan dan tidak membuat sebagai alat untuk menghinanya.

### c) Suami Isteri Menahan Diri Daripada Kata-Kata Yang Menyakiti

Menahan diri daripada kata-kata yang menyakiti adalah satu bentuk mu'āsharah bi al-ma'rūf. Ketika berbicara, suami isteri perlu menahan diri daripada menyakiti pasangan dengan membiasakan diri menggunakan perkataan yang baik terhadap pasangan, tidak mengucapkan kata-kata yang merendahkan-rendahkan maruah pasangan terutamanya di hadapan khalayak ramai, menghina, mencela dan meninggalkan menyebut sifat-sifat buruknya. Menahan diri daripada menyakiti dengan kata-kata boleh dijelmakan semasa berlaku konflik atau perselisihan antara suami dan isteri (Muhammad al-Mukhtār al-Shanqītī, t.t). Dalam prinsip perlakuan baik, jika terjadi perbezaan pendapat, suami sebaiknya berbicara kepada isteri tanpa memarahi atau menghinanya. Suami sebaiknya menjelaskan kesalahan dengan cara yang jauh dari penghinaan, tuduhan atau sikap merendahkan dan tidak mengambil sikap menyerang tanpa memberikan penjelasan terlebih dahulu terhadap kesalahan isteri. Hal ini kerana perbuatan tersebut dapat merosakkan ikatan kasih sayang dan menghalangi hubungan baik. Perbuatan tersebut menyebabkan isteri merasakan dirinya diperlakukan dengan tidak adil. Setelah isteri mengakui kesalahan dan meminta maaf, suami dapat memberikan nasihat atau teguran dengan lembut atau memaafkannya. Sekiranya suami ingin menegur isteri, sebaiknya melakukan dengan lembut dalam menjelaskan kesalahannya.

Selain itu, menahan diri daripada menyakiti dengan kata-kata boleh dijelmakan apabila meminta sesuatu daripada pasangan. Ketika suami berbicara kepada isteri dan meminta sesuatu, sebaiknya melakukan dengan cara yang tidak membuatnya merasa seperti pelayan atau merendahkan martabatnya. Begitu juga, ketika isteri meminta sesuatu daripada suami, sebaiknya tidak memaksa dan menyakiti dengan kata-kata yang mengganggu perasaannya. Pesanan yang penting ialah meminta dengan tidak menyakiti pasangan terutamanya dalam situasi yang memerlukan.

## 2) Tingkah Laku Yang Baik

### a) Suami Isteri Bergaul Dengan Pasangan Bersesuaian Dengan *Shari'at* Dan Adat Kebiasaan Masyarakat

*Mu'āsharah bi al-ma'rūf* ialah pergaulan yang tidak ditegah oleh shara', adat kebiasaan masyarakat yang baik, mengikut apa yang diakui dan dipersetujui oleh akal yang sihat. Hasil analisis mendapati bahawa bergaul dengan pasangan bersesuaian dengan shari'at dan adat kebiasaan masyarakat secara umum ialah suami isteri melaksanakan hak mengikut kemampuan, memberi hak tanpa diminta atau tanpa menunda atau berlengah-lengah kerana menundanya suatu bentuk penindasan, tanpa pembaziran atau kekurangan, memberikan kemudahan kepada pihak yang menerima hak, tanpa berlebih-lebihan dan tanpa menunjukkan ketidaksenangan, tidak menyalimi dan menafikan hak.

Antara contoh bergaul baik yang tidak melanggar batas agama dan adat yang baik yang sangat penting dalam pandangan majoriti *mufassirin*, *muhaddithin* dan *fuqahā* ialah saling menjaga penampilan diri atau perhiasan diri untuk pasangan. Suami isteri perlu saling menjaga penampilan diri dengan mengenal pasti jenis perhiasan yang disukai oleh pasangan, memakainya dengan elok, mengetahui apa yang tidak disukai pasangan dan meninggalkannya untuk menyenangkan dan membahagiakannya serta peka terhadap semua yang membuat pasangan bahagia dalam aspek ini.

Selain itu, bergaul dengan baik yang bersesuaian dengan adat kebiasaan masyarakat dan tidak bertentangan dengan shari'at ialah bersahabat baik dengan pasangan, memberikan perhatian kepada keperluan fizikal, emosi dan spiritual pasangan, kebersamaan suami isteri memperlakukan pasangan dengan baik, menghormati privasi pasangan, mengajar agama dan adat serta memelihara hubungan kekeluargaan dengan baik.

### b) Suami Isteri Bersikap Dengan Lembut

Bersikap dengan lembut bermaksud suami isteri memperlakukan pasangan dengan cara yang membuatnya merasa senang, layanan yang sopan dan baik dari segi akhlak, menahan diri daripada menyakiti pasangan dengan perbuatan, bersikap lembut tanpa menunjukkan kelemahan dan bertegas tanpa menggunakan kekerasan, tidak berlaku kasar, tidak memukul, tidak mengasingkan atau memulaukannya, mendisiplinkan secara keras dan tidak menyebabkan luka serius pada tubuh.

Bersikap dengan lembut juga adalah tidak mencela atau menghina pasangan dalam penampilan fizikalnya, menjaga maruah pasangan dengan tidak menyakitinya terutamanya di hadapan orang lain, meneladani Rasulullah SAW kerana baginda sentiasa berkasih sayang, ceria apabila bersama isteri dan suka menghiburkannya. Contohnya baginda berlumba lari dengan 'Āishah r.a (Muhammad Sayyid Ṭantawī, t.t). Di samping itu, bersikap dengan lembut juga termasuk menghormati pasangan, bersikap rendah diri, suka bermain-main dengan pasangan dan tidak cepat memarahinya.

### c) Suami Isteri Bersabar Menghadapi Sifat Buruk Pasangan

Pergaulan baik juga ialah suami isteri bersabar dalam menghadapi sifat buruk pasangan. Islam menjelaskan bersabar dalam menerima dan menghormati ketidak sempurnaan pasangan, memaafkannya sekiranya ada sesuatu yang kurang memuaskan daripada pasangan, menjaga percakapan daripada bertindak balas terhadap kesilapan dan mampu menahan diri daripada bertindak melulu apabila menghadapi sikap buruk pasangan atau mendengar perkara yang tidak disukai daripada pasangan.

### d) Suami Isteri Tidak Terburu-Buru Untuk Bercerai

Salah satu *mu'āsharah bi al-ma'rūf* adalah suami isteri tidak terburu-buru untuk bercerai ketika berlaku salah faham atau kesulitan dalam pernikahan. Ia juga bermaksud suami isteri menahan diri terlebih dahulu dalam menghadapi situasi sulit. Masing-masing sepatutnya

tidak mengambil tindakan terburu-buru untuk bercerai kerana berkemungkinan salah faham dan masalah yang sedang mereka hadapi merupakan ujian yang menjadi sebab untuk mendapat kebaikan yang lain. Lantaran itu, pasangan suami isteri tidak seharusnya mengambil keputusan untuk bercerai secara tergesa-gesa. Ini menunjukkan dorongan untuk menghindari perceraian dengan sebaik mungkin kecuali dalam keadaan yang benar-benar diperlukan. Hadis tersebut menegaskan pentingnya tidak bercerai tanpa sebab dan hanya melakukannya dalam keadaan yang benar-benar tidak dapat dihindari. Selain itu, ia menekankan pentingnya mempertahankan hubungan pernikahan sekaligus mengingatkan agar tidak bertindak melulu dalam masalah kerana menahan diri daripada perceraian juga memiliki kebaikan yang belum disedari.

**e) Suami Isteri Tidak Membenci Pasangan Disebabkan Akhlak Buruknya**

Pergaulan baik ialah suami isteri tidak menanamkan perasaan benci terhadap pasangan meskipun terdapat sikap buruk darinya. Hal ini dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW:

{ لَا يَفْرُكْ مُؤْمِنٌ مُؤْمِنَةً إِنْ كَرِهَ مِنْهَا حُلْقًا رَضِيَّ مِنْهَا آخَرٌ }

Maksudnya, “*Janganlah seorang mukmin (suami) membenci seorang mukminah (isteri). Jika dia tidak menyukai salah satu akhlaknya, hendaklah dia menyenangi akhlak yang lainnya*” (Hadis. *Ṣaḥīḥ Muslim. Bāb al-Waṣīyyah bi al-Nisā’*. 1469).

Mūsā Shāhīn Lāshīn (2002) dalam *Fath al-Mun’im Sharh Ṣaḥīḥ Muslim* mensyarahkan hadis tersebut yang bermaksud suami tidak boleh membenci isteri disebabkan akhlak buruk pasangan. Hal ini kerana pastinya pasangan mempunyai kebaikan lain yang tersendiri. Untuk melawan perasaan benci yang muncul, Islam menyuruh untuk mengingat perkara yang baik yang ada pada pasangan. Jika mampu mengatasi perasaan benci dan masih mampu bersabar, Allah SWT akan menempatkan banyak kebaikan lain untuk suami isteri. Tindakan membenci tersebut tidak wajar dilakukan tetapi masing-masing sewajarnya memaafkan kesalahan dengan mengabaikan apa yang tidak disukai kepada mengingati kembali kebaikan yang pernah dilakukan oleh pasangan. Suami isteri tidak seharusnya membenci pasangan sepenuhnya yang mendorongnya untuk berpisah, sebaliknya memaafkan kesilapan dan keburukannya serta melupakan apa yang tidak disenangi kepada apa yang disukai yang ada pada pasangan. Maka penekanan dalam analisis ini adalah tentang situasi di mana keinginan atau kebencian seseorang terhadap sesuatu boleh bertentangan dengan apa yang sebenarnya lebih baik atau lebih buruk bagi mereka. Ini mengajarkan bahawa perspektif seseorang terhadap sesuatu tidak selalu mencerminkan realiti atau kebaikan yang sebenarnya dari suatu situasi.

**f) Suami Isteri Melihat Sisi-Sisi Positif Pasangan**

Melihat sisi-sisi positif pasangan bermaksud tidak melupakan kebaikan pasangan. Jika pasangan melakukan kesalahan maka tidak melupakan kebaikannya di waktu lain. Kebaikan pasangan perlu sentiasa disematkan dalam hati berbanding mengingati keburukannya. Suami isteri perlu mengingati sifat-sifat positif pasangan agar kasih sayang sentiasa tersemai di dalam hati. Ini menunjukkan bahawa Islam mengajar suami isteri untuk bersikap adil dalam membuat keputusan agar tidak berlaku zalim kepada pasangan. Keadilan berlaku apabila keputusan suami isteri mampu mempertimbangkan seluruh aspek akhlak pasangannya iaitu sekiranya ada tingkah laku yang tidak disenanginya maka ada tingkah laku lain yang menjadi sumber kebahagiaan baginya. Keadilan mengharuskan seseorang untuk melihat lebih dari satu sisi dari suatu peristiwa dan menilai dengan bijaksana antara kebaikan dan kesalahan.

**g) Suami Memberikan Bantuan Kepada Isteri Dalam Khidmat Rumah Tangga**

Suami sebaiknya membantu isteri dengan melakukan kerja rumah tangga atau mengupah orang gaji sekiranya berkemampuan atau membeli peralatan-peralatan yang

memudahkannya untuk melakukan kerja seperti mesin basuh, alat memasak yang moden seperti periuk nasi yang canggih dan lain-lain. Perbuatan tersebut akan menyenangkan isteri dan tidak membebaninya dengan tugas yang terlalu berat kerana kebanyakannya pada zaman ini, kedua-duanya bekerja. Oleh itu, perlunya ada kerjasama, perbincangan dan mencari kata sepakat antara suami dan isteri dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga.

### 3) Pelaksanaan Kewajipan

#### a) Suami Memberikan Nafkah Zahir Yang Wajar Dan Sesuai Kepada Isteri

Pergaulan baik (*mu'āsharah bi al-ma'rūf*) adalah suami memberikan nafkah kepada isteri dengan cara yang wajar dan sesuai untuk menjaga taraf hidup suami isteri dan keluarganya. *Mu'āsharah bi al-ma'rūf* dalam pemberian nafkah ialah suami memberikan nafkah mengikut kemampuan, tanpa berlebih-lebihan, tanpa menunjukkan ketidaksenangan, tanpa berlengah atau menunda dan tidak mengabaikan atau kurang memberikan perhatian kepada keperluan pasangan. Berikut merupakan hadis mengenai hak-hak isteri yang wajib dilaksanakan oleh suami:

{ وَعَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ حَبْدَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا حَقُّ زَوْجِهِ أَحَدُنَا عَنْهُ؟ قَالَ: "أَنْ تُطْعِمَهَا إِذَا طَعِمْتَ، وَتَكْسُبُهَا إِذَا أَكْتَسَيْتَ وَلَا تَصْرِيبُ الْوَجْهَ، وَلَا تُقْبِخَ، وَلَا تَهْجُزُ إِلَّا فِي الْبَيْتِ" }

Maksudnya, “Dari Mu'āwiyah bin Haydah r.a. berkata: Aku bertanya, “Wahai Rasulullah, apa hak isteri salah seorang di antara kami atasnya?” Rasulullah SAW menjawab, memberinya makan ketika engkau makan, memberinya pakaian ketika engkau memakainya, jangan memukulnya di wajah, jangan menghinanya dan jangan menjauhinya kecuali di dalam rumah” (Hadis. Sunan Abī Dāwud. Ḥaqq al-Zawjah 'alā Zawjhā. 2142).

Al-Nawawī (2007) dalam *Riyād al-Sālihīn* menjelaskan hadis tersebut menggariskan hak-hak isteri yang meliputi memberi makan dan pakaian, meminta suami untuk tidak menggunakan kekerasan, tidak menghina atau menyakiti isteri dan tidak menjauhinya kecuali di dalam rumah. Ini adalah panduan bagi perlakuan yang baik dan adil terhadap isteri dalam Islam. Al-Sahāranfūrī (2006) dalam *Badhil al-Majhūd fī Hal Sunan Abī Dāwud* menjelaskan tafsiran teks ini menonjolkan kepentingan menggalakkan kebaikan terutamanya dalam menyediakan makanan dan pakaian kepada isteri. Larangan yang disampaikan juga termasuk larangan melakukan keganasan atau perlakuan yang merendahkan martabat isteri, larangan mencela atau menghina isteri khususnya dari segi penampilan fizikal termasuk larangan menggunakan ungkapan yang menghinakan penampilan mereka dan larangan melakukan keganasan terhadap isteri terutama di bahagian muka. Larangan ini diberikan sebagai sebahagian daripada etika dan tingkah laku yang harus dijalankan terhadap isteri, menekankan kepentingan menghormati mereka dan menjauhi keganasan atau layanan yang merendahkan maruah pasangan.

#### b) Suami Isteri Melakukan Hubungan Intim Berlandaskan Perintah Agama

*Mu'āsharah bi al-ma'rūf* dalam konteks hubungan seksual bermaksud suami isteri berhak mendapatkan keperluan seksual masing-masing. Tindakan suami yang tidak memenuhi keperluan seksual isteri dan tetap membiarkan isteri tanpa menceraikannya merupakan suatu tindakan yang zalim. Perbuatan tersebut boleh menyebabkan penderitaan kepada isteri dan mendorongnya untuk melanggar batas-batas ketentuan Allah SWT. Perkara yang perlu ditekankan untuk mewujudkan hubungan intim yang ma'rūf adalah memperhatikan hukum agama dan etika yang baik. Perbincangan mengenai hal ini perlu dilakukan untuk mencari kebaikan bersama seperti perbincangan apa yang disukai dan tidak disukai. Oleh sebab itu, suami isteri tidak boleh mementingkan diri sendiri dengan mengabaikan keperluan pasangan. Justeru penting bagi pasangan suami isteri untuk memahami dan menghormati batasan-batasan yang bersesuaian dengan tuntunan agama Islam.

**c) Suami Bersikap Adil Dalam Pembahagian Bermalam Antara Isteri-Isteri**

*Mu'āsharah bi al-ma'rūf* ialah suami berlaku adil dalam pembahagian bermalam antara para isteri. Suami yang berpoligami sunat membahagikan giliran bermalam di kalangan isteri dan bermalam bersama mereka. Ia tidak wajib kerana giliran bermalam adalah hak suami dan boleh tidak melaksanakannya. Walaupun begitu, jika suami telah bermalam dengan salah seorang daripada isteri secara undian atau cara yang lain maka suami wajib bermalam dengan isteri-isterinya yang lain dan wajib melaksanakan penggiliran tersebut bagi bersikap adil kepada mereka.

**d) Suami Tidak Menempatkan Dua Orang Isteri Dalam Satu Kediaman**

Menyatukan isteri-isteri dalam satu tempat tinggal dengan manfaat yang sama tidak dianggap wajar kerana dapat menimbulkan rasa cemburu dan merugikan salah satu isteri. Oleh sebab itu, para ulama menyarankan untuk mempertimbangkan pemisahan tempat tinggal dalam situasi poligami untuk mencegah konflik dan menjaga keadilan di antara isteri-isteri. Jika suami memutuskan untuk menyatukan isteri-isteri dalam satu tempat tinggal, sebaiknya ruang dan fasilitas dipisahkan dengan adil untuk setiap isteri. Suami tidak memiliki hak untuk memaksa isteri-isterinya untuk tinggal bersama dalam satu tempat kecuali jika semua isteri bersetuju dan dapat menjaga hubungan mereka dengan baik. Daripada sudut pandang hak dan kewajiban, isteri berhak menuntut pemisahan dalam tempat tinggal jika situasi tersebut merugikan.

**e) Isteri Mentaati Suami**

Kewajiban taat kepada suami adalah bersyarat iaitu isteri wajib mentaati suami dalam perkara yang tidak melibatkan maksiat kepada Allah SWT, mengikut kemampuan dan tidak memudararatkan diri. Hal ini kerana tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam maksiat kepada Allah SWT. Maka ketaatan kepada suami adalah wajib tetapi tidak boleh dilakukan dalam perkara yang melibatkan maksiat kepada Allah SWT. Sekiranya isteri disuruh untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Islam maka isteri tidak wajib mentaatinya dan tidak berdosa melanggar suruhan tersebut.

**f) Isteri Berkhidmat Kepada Suami Dalam Urusan Rumah Tangga**

*Mu'āsharah bi al-ma'rūf* ialah isteri berkhidmat kepada suami dalam urusan rumah tangga. Para fuqaha' telah melontarkan perbincangan sangat menarik dalam masalah ini dengan pendapat yang berbeza.

Pendapat pertama bahawa pelayanan isteri kepada suami bukan merupakan kewajiban tetapi lebih baik untuk melayani suami sesuai dengan adat kebiasaan yang telah berlaku. Pendapat ini diikuti oleh majoriti ulamā' Shāfi'i, Ḥanbalī dan sebahagian ulama Malīkī. Alasannya kerana pernikahan adalah kesenangan atau hubungan intim suami atas isteri, oleh sebab itu tidak wajib bagi isteri melakukan lebih daripada itu ('Abdullah bin Muḥammad al-Ṭayyār, 2012).

Pendapat kedua ialah isteri wajib melayani suami. Pendapat ini diikuti oleh mazhab Ḥanafī, sebahagian besar ulama Mālikī dan sebahagian ulamā' Ḥanbalī. Mazhab Ḥanafī menyatakan bahawa pelayanan isteri kepada suami adalah wajib dan tidak boleh bagi isteri untuk menerima upah daripada suami atas pelayanannya. Kebanyakannya pada tempat, kebiasaan isteri bertugas melayani urusan rumah tangga. Hal ini dikenali daripada wanita-wanita para mukminin di zaman Rasulullah SAW dan sahabat bahawa mereka menguruskan rumah tangga. Tidak ada masalah untuk isteri meminta bantuan daripada suami. Namun, meminta pertolongan dengan tujuan kesombongan atau menganggap bahawa kerja-kerja rumah bukan tanggungjawabnya maka itu bertentangan dengan fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan berlawanan dengan hubungan baik yang sepatutnya dijaga oleh setiap isteri terhadap suami.

## KESIMPULAN

Daripada panduan MBM ini, dapat dirumuskan bahawa mu'āsharah bi al-ma'rūf (MBM) dapat dicapai melalui elemen dalaman dan elemen luaran. Kedua-dua elemen ini saling berkait dan perlu diterapkan secara konsisten untuk memastikan kesejahteraan dan keharmonian dalam rumah tangga. Mu'āsharah bi al-ma'rūf menekankan pentingnya penerapan nilai-nilai moral dan etika dalam hubungan suami isteri. Suami isteri perlu berusaha untuk memperbaiki diri dan meningkatkan kualiti hubungan mereka melalui refleksi diri dan pembelajaran berterusan. Dengan mengamalkan MBM, suami isteri dapat mengukuhkan ikatan perkahwinan, menghadapi cabaran dengan lebih matang dan menikmati kehidupan bersama yang lebih bahagia dan memuaskan. Panduan ini menyediakan landasan yang kukuh untuk membina perkahwinan yang harmoni dan berkekalan, selaras dengan prinsip-prinsip Islam yang mengutamakan kesejahteraan dan kebahagiaan dalam hubungan suami isteri. Melalui penerapan MBM, pasangan dapat mencapai kebahagiaan yang sejati dan kekal dalam kehidupan berumah tangga.

## RUJUKAN

### Buku

- 'Abd Al Rahmān, N. 'A. S. (2002). *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*. Mu'assasat al-Risālah.
- 'Abdullah, 'A. (t.t). *Tafsīr al-Tanwīr Al-Miqbās Min Tafsīr Ibn 'Abbās*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Abdullah, M. T., 'Abdullah, M. M., & Muḥammad, I. M. (2012). *Al-Fiqh al-Maysar*. (vol. 5). Madār al-Wātan lil-Nashr, Riyād-Al-Mamlakah al-'Arabiyyah as-Su'ūdiyah.
- 'Alā al-Dīn, A. B. M. K. H. (1909). *Badā'i al-Sanā'i fi Tartīb al-Sharā'i*. (Vol. 2). Matbā'ah Sharikat al-Matbū'āh al-'Ilmiyyah.
- Abū 'Abdullah, M. 'U. Ḥ. Ḥ. T. R. (1999). *Mafātīh al-Ghayb = Tafsīr al-Kabīr*. Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Abū 'Abdullah, M. A. A. Q. (1964). *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Vol. 5. Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Abū 'Abdullah, M. I. S. (1990). *Al-Umm*. (Vol. 5). Dār al-Fikr.
- Abū al-Fidā', I. 'U. K. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. (Vol. 12). Dār Ṭaibah lil Nashar wa al-Tauzi'.
- Abū al-Muzaffar, M. M. 'A. J. A. A. M. S. T. Ḥ. (1997). *Tafsīr al-Qur'ān*. Dār al-Waṭān.
- Abū Ja'far, M. J. T. (2001). *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil An al-Qur'ān*. (Vol. 6). Dār Hīr lil-Ṭabā'at wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-I'lān.
- Abū Zakariyā, M. Y. S. N. (2007). *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. (Vol. 8). Dār Ibn Kathīr lil-Tabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Aḥmad, M. M. (1946). *Tafsīr al-Marāghī*. Shirkat Maktabat wa Maṭba'at Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh bi Miṣr.
- al-Ḥusayn, M. Ḥ., Mazhar al-Dīn, Z. K. D. S. H. (2012). *Al-Mafātīh fī Sharḥ al-Maṣābiḥ*. Dār al-Nawādir (Vol. 4). Thaqāfah al-Islāmiyyah - Wizārat al-Awqāf al-Kuwaitiyyah.
- al-Shaykh, K. A. S. (2006). *Badhl al-Majhūd fī ḥal Sunan Abī Dāwud* (Vol. 8). Markaz al-Shaykh Abī al-Ḥasan al-Nadwī lil-Buhūth wa al-Dirāsat al-Islāmiyyah.
- Ḥasan, A. F. (2005). *Fatḥ al-Qarīb al-Mujīb 'alā al-Targhib wal-Tarhib*. Al-Jafān wa al-Jābī lit-Ṭibā'ah wa an-Nashr (vol. 8). Dār Ibn Ḥazm lit-Ṭibā'ah wa an-Nashr wa at-Tawzī'.
- Jalāl al-Dīn, M. A. M. & Jalāl al-Dīn 'A. R. A. B. S. (t.t). *Tafsīr al-Jalālayn*. Dār al-Hadīth.
- Majmū'at min al-Mu'allifin. (1999). *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (vol. 30). Matba'at Dār al-Ṣafwah, Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah Kuwait.
- Mansūr, Y. B. H. (2008). *Kashāf al-Qinā' 'an al-Iqnā'* (vol. 12). Wizārat al-Adl fī al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyah.
- Muhammad al-Mukhtār, S. (t.t). *Fiqh al-Usrah* (Vol. 5). Durūs Ṣawtiyyah Qāma bi Tafrīghihā Mauqi' al-Shabakah al-Islāmiyyah.

- Muhammad al-Thāhir, M. M. T. 'Ā. T. (t.t). *Al-Tahrīr wa Al-Tanwīr* (Vol. 4). Dār Al-Tūnisiyyah lil-Nashr.
- Muhammad Sayyid, T. (t.t). *Al-Tafsīr Al-Wasīt lil-Qur'ān Al-Karīm* (Vol. 3). Dār Nahḍah Miṣr lil Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Mūsā Shāhīn, L. (2002). *Fatḥ al-Mun'im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (vol. 6). Dār al-Shurūq.

### Jurnal

- Hamid, M., Siti Marziah, Z., Jamiah, M., & Muhamad Ariff, I. (2021). Pencetus Utama Konflik Perkahwinan Sepanjang Fasa Pertama Perkahwinan Dalam Kalangan Pasangan Muda: Kajian Kes Semasa Perintah Kawalan Pergerakan(PKP). *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14, 64-68.
- Nazihah, H. & Azme, M. (2023). Faktor Krisis Rumah Tangga Di Negara Brunei Darussalam. *Asian People Journal*, 6(1), 93-110.
- Solihah, M., & Mohd Norhusairi, M. H. (2023). Perceraian Bagi Perkahwinan Yang Berusia Kurang Dari Tempoh Satu Tahun Di Mahkamah Rendah Syariah Petaling. *Journal of Shariah Law Research*, 8(1), 33-70.

### Laman Sesawang

- Ercy Gracella Ajos. Rombak Modul Kursus Praperkahwinan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1092445/rombak-modul-kursus-praperkahwinan> [diakses 5 Mei 2024].
- Jabatan Perangkaan Malaysia, Bagi Penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2023. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/landingv2> [diakses 7 Mei 2024].

### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.